

Melestarikan Sinergi Perkembangan Profesionalisme Guru dalam Pengurusan Pengajaran Bilik Darjah

UB 10/8/2011 BA

MINDA PENDIDIK
ROSLEE TALIP

Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad,
Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi
Taat dan Shukri Zain



PENGURUSAN pengajaran merupakan satu aspek penting dan kritikal dalam mencorakkan perkembangan profesionalisme dan tahap efikasi pengajaran guru, khususnya berkaitan dengan kebolehan guru mencorakkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran yang menjadi teras utama profesion keguruan (core bussines). Pengurusan pengajaran juga banyak mempengaruhi peringkat perkembangan profesionalisme guru daripada peringkat awal guru tersebut ditempatkan (peringkat novis) sehinggalah guru tersebut bersara daripada alam pekerjaannya. Ini kerana

dunia pengajarannya dalam bilik darjah bukan sahaja memberi cabaran dan pengukuhan aspek-aspek profesionalisme keguruan tetapi juga menyediakan prospek perkembangan profesionalisme guru yang ideal dan unggul.

Perkembangan profesionalisme guru dalam konteks pengurusan pengajaran meliputi dimensi yang luas seperti aspek-aspek yang berkaitan kecekapan dan kemahiran mengajar, perkembangan self-appraisal keguruan, perkembangan staf di bilik darjah, perkembangan kepakaran, kebolehan merancang dan melaksanakan pengajaran, pengurusan dan perkembangan pelajar, kebolehan dan kecekapan menangani masalah personal dan interpersonal, kemahiran hubungan kemanusiaan (human relation), kemahiran kaunseling, peningkatan prestasi dan kualiti pembelajaran serta

perkembangan kualiti personal guru. Dalam konteks pendidikan semasa yang lebih luas, idealisme pendidikan yang mendasari profesionalisme keguruan seharusnya mencorakkan guru-guru sebagai ejen perubahan masyarakat yang progresif dan dinamis.

Sehubungan dengan itu, tahap perkembangan profesionalisme guru dalam pengurusan pengajaran adalah berkait rapat dengan empat elemen kebolehan guru bagi mencorakkan kualiti pengurusan pengajaran dalam bilik darjah.

Pertama, kebolehan mencorakkan kualiti pengajaran iaitu sejauh mana guru mampu mendatangkan impak terhadap pembelajaran aktif yang sekali gus memberikan kesan positif kepada

perkembangan dan kemajuan pelajar-pelajar sama ada dalam bidang akademik dan intelek, sosial, moral atau sahsiah dan tingkah laku.

Kualiti pengurusan pengajaran guru dapat dinilai dari segi pengetahuan guru tentang mata pelajaran yang diajar, pengetahuan guru tentang pelajar itu sendiri, pengetahuan guru tentang teori dan amalan, pengurusan bilik darjah dan tidak kurang pentingnya adalah pengetahuan tentang aspek-aspek profesionalisme yang seharusnya diaplikasikan dalam tugas dan tanggungjawabnya semasa sesi pengajaran. Guru sebagai ahli profesional dalam konteks ini perlu mempertahankan kualiti dan kecemerlangan tugas dan tanggungjawabnya dengan membuat pelbagai perubahan dan kemajuan sesuai dengan latihan profesional dalam perkhidmatan yang diterimanya.

Kedua, kebolehan menyusun organisasi pembelajaran yang mencakupi aspek perancangan dan pelaksanaan tugas pengajaran, merancang penggunaan sumber-sumber pembelajaran, merancang pembelajaran aktif, fleksibiliti serta terarah, pengawalan disiplin dan interaksi bilik darjah dan membuat keputusan untuk perubahan. Dalam konteks kedua ini, guru yang profesional akan dapat mencorakkan sosialisasi dan interaksi sosial yang berkesan dalam pengajarannya. Natijahnya, aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menuntut kesempurnaan insan serta melahirkan modal insan minda kelas pertama dapat direalisasikan.

Ketiga, kebolehan mencorakkan iklim bilik darjah yang kondusif serta memerlukan faktor personaliti, gaya atau stail kepimpinan profesional yang berkesan. Hal ini begitu penting kerana bilik darjah perlu menjadi dunia sosial yang berkesan untuk mencorakkan perkembangan sosial yang dinamis ke arah pembentukan disiplin diri, sifat toleransi dan perpaduan.

Keempat, kebolehan mencorakkan perkembangan pelajar yang merangkumi aspek perkembangan akademik, perlakuan dan emosi pelajar. Dalam konteks ini, profesionalisme guru dalam pengurusan

pengajaran yang berkesan di bilik darjah seharusnya memberikan kesan yang positif ke atas perkembangan aspek-aspek personal pelajar.

Perkembangan kecekapan profesionalisme guru dalam konteks yang lebih luas lagi terhadap pengurusan pengajaran memerlukan mereka memenuhi beberapa prasyarat seperti penguasaan pengetahuan dan kemahiran dari segi strategi, peraturan, pengawalan dan penilaian. Kecekapan mengurus banyak bergantung kepada strategi-strategi yang berkesan dan digunakan bukan sahaja sebagai mekanisme pengawalan tetapi juga untuk membawa perubahan dan perkembangan positif terhadap pembangunan profesionalisme guru.

Himpunan kajian-kajian lepas oleh American Federation Teachers merumuskan bahawa tahap pengetahuan dan kebolehpayaan guru secara profesional dalam mereka bentuk kaedah pengajaran yang bersesuaian akan dapat memperbaiki pengetahuan murid secara tersusun dan mengikut aras kefahaman mereka. Ini kerana para guru adalah bertanggungjawab secara langsung untuk menyumbangkan kualiti pendidikan yang tinggi kepada setiap murid mereka. Justeru itu profesionalisme keguruan seharusnya dapat mengenal pasti dan memikul tanggungjawab untuk membangunkan serta memantau aspek-aspek kecemerlangan, meningkatkan sistem penyampaian yang berkualiti dan sentiasa memperbaiki kelemahan sedia ada.

Dalam nada lain, perkembangan profesionalisme keguruan dalam konteks menjana pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang efektif harus memberikan tumpuan khusus terhadap hubungan antara perkembangan holistik sekolah (school-wide development) dengan pembangunan kapasiti sekolah dan perkembangan di bilik darjah. Penambahbaikan sekolah dalam konteks pembangunan profesionalisme keguruan membawa maksud satu perubahan atau proses transformasi perlu dilakukan. Perubahan pula harus bersifat linear dan mekanistik iaitu membenarkan unsur-unsur pembangunan staf

mempengaruhi produk akhir pendidikan (educational outcomes). Maka dengan itu, pembangunan profesionalisme harus diurus dengan baik oleh guru agar mereka dapat memainkan peranan yang dominan sebagai agen perubahan tersebut.

Sehubungan itu, hasil kajian di beberapa buah negara maju terhadap guru-guru yang pernah mengikuti program perkembangan profesionalisme dalam pengurusan pengajaran sama ada di peringkat nasional ataupun tempatan mendapati kebolehan dan kemahiran profesional guru dapat dipertingkatkan secara sistematis. Hasil kajian tersebut juga telah berjaya memperlihatkan proses transformasi profesionalisme guru dari aspek peningkatan tahap motivasi kesan daripada pengaruh kuat pembangunan profesionalisme yang berjaya bertindak sebagai catalytic effect di peringkat sekolah.

Dapatan kajian mereka tidak terhenti setakat itu sahaja, tetapi juga telah berjaya merungkai beberapa impak positif lain yang menjurus kepada pembangunan profesionalisme keguruan. Menerusi seminar-seminar yang dijalankan, keupayaan terhadap kemahiran pengajaran yang pelbagai dapat dikesan. Hasil daripada keberkesanan program mentor dan kesepakatan rakan sejawat didapati banyak mempengaruhi tahap komitmen guru dan kepekaan guru untuk memantapkan diri dengan pelbagai program keilmuan dan kemahiran pengajaran. Secara tidak langsung, guru-guru akan dapat dibentuk menjadi pakar pengajaran dan berupaya membangunkan dan menguasai pelbagai pedagogi pengajaran.

Pendek kata, pengupayaan profesional guru dalam konteks pengurusan pengajaran di peringkat sekolah mampu menjadi suatu mekanisme yang berkesan dalam memberikan sinergi baru kepada wajah pendidikan tanah air. Wawasan serta aspirasi pendidikan perdana yang ingin melihat martabat pendidikan negara tinggi darjatnya di pentas sudah pasti mampu direalisasikan.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah